

## KANDUNGAN

<b>BIL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1	Perutusan Menteri	3
2	Perutusan Ketua Pengarah BHEUU	4
3	Senarai Agensi	5
4	Carta Pengurusan Tertinggi BHEUU Bersama YB Menteri	6
5	Carta Pengurusan Tertinggi BHEUU	7
6	Sejarah BHEUU	8
7	Visi, Misi Dan Objektif	10-11
8	Fungsi Dan Piagam Pelanggan	12-13
9	Carta Organisasi BHEUU	14
10	Seksyen Pembangunan	15-24
11	Seksyen Dasar	25-40
12	Seksyen Pengurusan Maklumat	41-51
13	Seksyen Kewangan	52
14	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	53-67
15	Unit Komunikasi Korporat	68-70
16	Puspanita Cawangan Kecil BHEUU	71-79
17	Jabatan Bantuan Guaman (JBG)	80-138
18	Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)	139-191

## PERUTUSAN

### MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Syabas diucapkan kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri, sepertimana tahun lalu dapat menerbitkan Buku Laporan Tahunan BHEUU bagi tahun 2017. Ini merupakan satu usaha dokumentasi aktiviti-aktiviti yang boleh dijadikan sebagai rujukan pada masa akan datang.

Antara pencapaian bagi tahun 2017 adalah kejayaan kerajaan mewujudkan satu akta khusus bagi memerangi jenayah seksual kanak-kanak. Melalui komitmen di peringkat tertinggi dan kerjasama semua pihak yang berkepentingan, dalam masa enam bulan, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [ Akta 792 ] berjaya digubal dan dibentangkan di Parlimen pada Mac 2017 dan seterusnya berkuatkuasa pada 10 Julai tahun yang sama.



Selain itu, beberapa akta lain juga berjaya dipinda seperti Akta Kebankrapan [ Pindaan ] 2017, Akta Bantuan Guaman [ Pindaan ] 2017, Akta Timbang Tara [ Pindaan ] 2017, Akta Mahkamah [ Kaedah-kaedah Permulaan Tindakan Sivil ] 2016 dan Akta Saraan Hakim [ Pindaan ] 2017.

Kesemua pindaan akta-akta ini dibuat bagi memenuhi keperluan semasa selaras dengan kepentingan rakyat masa kini. Apa yang jelas, tranformasi undang-undang dapat direalisasikan pada tahun 2017.

Komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas oleh semua warga kerja BHEUU, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) diharap akan dapat memenuhi hasrat pemimpin negara dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat.

Saya percaya maklumat yang diberi melalui penerbitan Laporan Tahunan BHEUU ini dapat memberi manfaat kepada kita semua dan memenuhi kehendak semasa.

Selamat Maju Jaya.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'A. Othman Said'.

( DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID )

## PERUTUSAN

### KETUA PENGARAH BHEUU

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya serta berkat kerjasama semua warga Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) berhasil menerbitkan Buku Laporan Tahunan BHEUU 2017. Buku yang memaparkan aktiviti BHEUU, Mdl dan JBG bagi tahun 2017 dapat dijadikan bahan pengetahuan kepada kita semua.

Syabas kepada sidang pengarang yang terdiri daripada pegawai-pegawai BHEUU, Mdl dan JBG yang telah berusaha bersungguh-sungguh menyumbang ide, masa dan tenaga dan memberikan kerjasama erat, laporan tahunan ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna.

Pengemblengan usaha dan kerjasama yang dipupuk harus diteruskan dalam segala aspek tugas untuk mencapai kecemerlangan system penyampaian perkhidmatan awam. Segala usaha secara kerjasama ini adalah untuk mencapai kejayaan yang optima bagi semua pihak .

Saya berharap usaha-usaha kerja berpasukan sesama warga BHEUU, Mdl dan JBG dapat diteruskan dari semasa ke semasa bagi menggapai kecemerlangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Semoga kita bersama-sama menjadi warga kerja yang berdaya saing, berintegriti dan berpengetahuan luas untuk terus maju.

Selamat berbakti kepada agama, organisasi dan negara. Mudah-mudahan sumbangan kita semua diterima sebagai amal jariah jua.

Sekian, terima kasih.



( DATUK JALIL BIN MARZUKI )



**SENARAI AGENSI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

Jabatan Insolvensi Malaysia

Jabatan Bantuan Guaman

Lembaga Penasihat

Parlimen Malaysia

Biro Tatanegara (BTN)

Pusat Timbangtara Serantau, Kuala Lumpur (KLRCA)

Urusan Parlimen - Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara

Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP)

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan

Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri

Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman

# PENGURUSAN TERTINGGI BHEUU BERSAMA MENTERI



**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID**  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
MULAI 28.6.2016



**YB DATUK WIRA RAZALI BIN HAJI IBRAHIM**  
TIM. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
MULAI 28.6.2016



**YBHG. DATUK ABDUL RAHKAMN PUTRA**  
BIN DATO' HAJI TAHA  
KETUA PENGARAH  
JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA  
MULAI 1.4.2016



**YBHG. DATUK JALIL BIN MARZUKI**  
KETUA PENGARAH  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
MULAI 13.8.2016



**YBHG. DATO' HAINI BINTI HASSAN**  
KETUA PENGARAH  
JABATAN BANTUAN GUAMAN  
MULAI 16.11.2015

# PENGURUSAN TERTINGGI BHEUU



YBRS. DR. NOR MAZNY BINTI ABDUL MAJID  
TIMBALAN KETUA PENGARAH  
(DASAR DAN PEMBANGUNAN)  
(MULAI 27.4.2016)



YBHG. DATUK JALIL BIN MARZUKI  
KETUA PENGARAH  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
(MULAI 13.8.2016)



ENCIK MOHD YUSOFF BIN AMAN  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)  
(MULAI 1.4.2016)



YBRS. DR. PUNITA A/P SILVARAJOO  
PENGARAH SEKSYEN DASAR  
(MULAI 6.9.2017)



YM TENGKU ADNIN BIN TENGKU ADNAN  
PENGARAH SEKSYEN PEMBANGUNAN  
(MULAI 1.6.2016)



CIK LAILA KHALIDAH BINTI ISMAIL  
PENGARAH SEKSYEN DASAR  
(MULAI 10.8.2016 HINGGA 17.4.2017)



PUAN SALMIAH BINTI ISMAIL  
PENGARAH SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT  
(MULAI 11.8.2014)



TUAN HAJI SHAHRIN BIN AHMAD SAMAN  
PENGARAH SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
(MULA 2.2.2017)



ENCIK RAFIDI BIN ABDULLAH  
PENGARAH SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
(MULA 1.9.2015 HINGGA 3.2.2017)



ENCIK AZHAM BIN BACHOK  
PENGARAH SEKSYEN KEWANGAN  
(MULAI 16.3.2016)



PUAN SHAMSIH BINTI DAUD  
KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
(MULAI 1.5.2014)

**SEJARAH**  
**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG UNDANG**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 selepas pembubaran Kementerian Undang-Undang Malaysia. Pada waktu itu, Bahagian ini terdiri daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Biro Bantuan Guaman, Jabatan Pemegang Harta, dan Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka. Walau bagaimanapun, mulai 1 Ogos 1995, Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka telah diperbadankan dan dikenali sebagai Amanah Raya Berhad. Susulan itu, keseluruhan pentadbiran agensi berkenaan telah terkeluar dari BHEUU melainkan perkara-perkara berkaitan pewartaan para pegawai Amanah Raya bagi tujuan kehadiran di mahkamah.

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan juga berpisah dari pentadbiran BHEUU pada 1 Julai 1996. Walaupun telah berpisah dari BHEUU, Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah di PKPMP telah menjadi salah satu cawangan utama di BHEUU bermula 16 April 2003.

Jabatan Pemegang Harta kemudiannya telah bertukar nama kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada 1 Oktober 2003, berikutan dengan pindaan Akta Kebankrapan 1967. Mulai Oktober tahun 2009, Jabatan Insolvensi Malaysia telah dikenali secara rasminya sebagai Malaysia Department of Insolvency (Mdi).

Dalam pada itu, mulai 16 Januari 2010, Biro Bantuan Guaman dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Sebahagian daripada proses reformasi yang telah diperkenalkan oleh Jabatan ini ialah menghapuskan salah faham masyarakat terhadap Biro Bantuan Guaman yang selalu dirujuk sebagai Biro Pengaduan Awam, salah satu unit di bawah seliaan Majlis Peguam. Pertukaran nama ini perlu bagi mencerminkan perkembangan dan perluasan JBG di seluruh Malaysia.

BHEUU merupakan sekretariat kepada Mesyuarat Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, serta untuk kes-kes keselamatan di seluruh negara. Bermula tahun 2006, BHEUU juga menjadi agensi yang memantau dan menyelaraskan urusan setia Mesyuarat Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri.

Berdasarkan keputusan Kabinet pada 8 April 2004, BHEUU telah mengambil alih peranan sebagai sekretariat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) daripada Kementerian Luar Negeri. BHEUU bertanggungjawab untuk membantu YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam urusan pelantikan ahli-ahli suruhanjaya dan mengemukakan laporan maklumbalas kementerian terhadap laporan tahunan SUHAKAM.

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG UNDANG

## **VISI**

- Peneraju terulung kepada kecekapan dan keberkesanan pentadbiran keadilan Negara

## **MISI**

- Memperkasakan sistem pentadbiran keadilan Negara melalui penyediaan prasarana dan dasar berkaitan perundangan

## OBJEKTIF

1. Merancang, melaksana dan memantau projek pembangunan BHEUU, JBG, Mdl dan Mahkamah mengikut piawaian yang ditetapkan.
2. Menguatkuasakan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.
3. Mengoptimumkan keberkesanan dan kecekapan penggunaan sistem ICT di BHEUU, JBG, Mdl dan Mahkamah.
4. Memperkasakan ketelusan tadbir urus kewangan dan ICT.
5. Memperkasakan sumber manusia dan kecekapan pengurusan khidmat korporat.
6. Membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia yang lengkap dan komprehensif.
7. Menyelaras proses pengampunan bagi kes-kes rayuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya dan memantau status kes-kes pengampunan di negeri-negeri.
8. Menyelaras dan memantau penguatkuasaan Akta-Akta yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU.
9. Mengurusetiaikan:
  - pelantikan anggota Jawatankuasa Pemilihan dan anggota SUHAKAM serta penyelarasan penyediaan buku Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM;
  - pelantikan penasihat mahkamah bagi kanak-kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001(Akta 611); dan
  - pelantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (PTSKL)/ (KLRCA).

## FUNGSI

1. Urus setia Lembaga Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.
2. Memantau kedudukan perkara pengampunan di tiap-tiap Negeri.
3. Perancangan dan pembangunan projek mahkamah, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl).
4. Pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] termasuk perkara berkaitan dengan pendaftaran dan pemantauan perbadanan-perbadanan pemegang amanah.
5. '*Focal Agency*' bagi pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP).
6. Pelantikan anggota, Pelantikan Jawatankuasa Pemilihan dan penyelarasan maklum balas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM.
7. Pelantikan penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611].
8. Pelantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA).
9. Penyelarasan Penguatkuasaan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676].
10. Penyelarasan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]; dan
11. Penyelarasan Pelaksanaan Akta Pengantaraan 2012 [Akta 749].

## PIAGAM PELANGGAN

Kami bertekad & berjanji:

1. Menjawab cadangan, pertanyaan dan aduan pelanggan dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh diterima;
2. Pemberitahuan kelulusan awal dikeluarkan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh semakan PUU lengkap dan memenuhi keperluan Akta 258 diterima;
3. Membayar bil dan tuntutan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima;
4. Penyaluran Waran Peruntukan Pembangunan (DE) dibuat kepada agensi pelaksana dalam tempoh tiga (3) hari bekerja daripada tarikh kelulusan peruntukan;
5. Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi komputer dengan kebolehcapaian tidak kurang 99 %.





# SEKSYEN PEMBANGUNAN



Merancang dan membangunkan infrastruktur dan prasarana mahkamah serta mencetuskan inisiatif baru bagi penambahbaikan dalam sistem penyampaian pentadbiran kehakiman negara berteraskan kehendak Kerajaan dan keperluan masyarakat

## 1. PEMBANGUNAN MAHKAMAH

Pada tahun 2017, BHEUU telah meneruskan pelaksanaan projek-projek pembinaan bangunan mahkamah selaras dengan kelulusan yang diterima di bawah *Rolling Plan* ke-Tiga dan ke-Empat (RP3 dan RP4) Rancangan Malaysia ke-Sepuluh (RMK-10).

BHEUU telah menerima kelulusan permohonan projek baharu di bawah Rancangan Malaysia ke-Sebelas (RMK-11). Projek tersebut ialah Kompleks Mahkamah Baharu Johor Bahru, Johor yang pembinaannya dijangka bermula pada Mei 2018 dan Mahkamah Baharu Pengerang, Johor yang pembinaannya dijangka bermula pada September 2018.

Berikut adalah senarai projek pembangunan mahkamah yang dilaksanakan oleh BHEUU bagi tahun 2017:

### 1.1. PROJEK MAHKAMAH DALAM PEMBINAAN

#### 1.1.1 Kompleks Mahkamah Baru Kota Kinabalu, Sabah

Kompleks Mahkamah Baru Kota Kinabalu didirikan di atas tanah seluas 6.25 ekar di Jalan Shariff Osman *off* Jalan Kolam, Kota Kinabalu, Sabah. Projek yang bermula pada 22 Julai 2014, akan mengambil masa selama 30 bulan dan dijangka siap pada 13 Mac 2018.

Skop projek melibatkan 16 bilik bicara iaitu satu (1) Mahkamah Persekutuan, tiga (3) Mahkamah Tinggi, enam (6) Mahkamah Sesyen dan enam (6) Mahkamah Majistret.



Cadangan Rekabentuk Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah



Kemajuan kerja fizikal di tapak pembinaan Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah telah mencapai 94%

#### 1.1.2 Mahkamah Baharu Tapah, Perak

Bangunan Mahkamah Baharu Tapah dibangunkan di atas tanah seluas 4.9 ekar di Daerah Batang Padang, Tapah, Perak.

Skop projek melibatkan sebuah bangunan dua (2) tingkat yang mempunyai dua (2) bilik bicara iaitu satu (1) Mahkamah Sesyen dan satu (1) Mahkamah Majistret. Projek ini dijangka siap pada 19 Mac 2018.



Cadangan Rekabentuk Mahkamah Baharu Tapah, Perak



Kemajuan kerja fizikal di tapak pembinaan Mahkamah Baharu Tapah, Perak telah mencapai 90%

### 1.1.3 Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan

Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu dibina di atas tanah seluas 6.73 ekar di Bandar Baharu Tunjong, Kota Bharu, Kelantan.

Projek ini melibatkan pembinaan mahkamah baharu yang mengandungi 13 bilik bicara iaitu tiga (3) Mahkamah Tinggi, lima (5) Mahkamah Sesyen dan lima (5) Mahkamah Majistret. Projek ini dijangka siap pada 1 April 2020.



Cadangan Rekabentuk Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan



Kemajuan kerja fizikal di tapak pembinaan Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan telah mencapai 45%

### 1.1.4 Kompleks Mahkamah Baharu Kangar, Perlis

Pembangunan mahkamah baru di Kangar, Perlis adalah bagi menggantikan mahkamah sedia ada yang tidak lagi dapat menampung keperluan semasa. Tapak projek ini merupakan bekas tanah sawah seluas sembilan (9) ekar yang terletak di Mukim Seriab, Kangar, Perlis.

Pembinaan Mahkamah Baharu Kangar, Perlis melibatkan pembinaan bangunan baharu tiga (3) tingkat mengandungi lima (5) bilik bicara iaitu satu (1) Mahkamah Tinggi, dua (2) Mahkamah Sesyen dan dua (2) Mahkamah Majistret. Projek ini dijangka siap pada 19 Mac 2019.



Cadangan Rekabentuk Kompleks Mahkamah Baharu Kangar, Perlis



Kemajuan kerja fizikal di tapak pembinaan Kompleks Mahkamah Baharu Kangar, Perlis telah mencapai 22%

### 1.1.5 Mahkamah Baharu Ampang, Selangor

Bangunan baharu akan dibina di Bandar Ampang, Hulu Langat dengan keluasan tanah 2.558 ekar.

Skop projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru yang mengandungi sepuluh (10) bilik bicara iaitu empat (4) Mahkamah Sesyen dan enam (6) Mahkamah Majistret. Projek ini dijangka siap pada 9 September 2019.



Cadangan Rekabentuk Mahkamah Baharu Ampang, Selangor



Kemajuan kerja fizikal di tapak pembinaan mahkamah

## 1.2. PROJEK MAHKAMAH DALAM PERANCANGAN

### 1.2.1. Kompleks Mahkamah Baharu Johor Bahru, Johor

Pada masa ini, Mahkamah Johor Bahru beroperasi di bangunan yang berbeza tetapi dalam kompaun yang sama dengan keluasan 1.79 ekar. Di mana, Mahkamah Tinggi Johor Bahru terletak di Jalan Dato' Onn dan Mahkamah Sesyen/Majistret Johor Bahru pula beroperasi di Jalan Ayer Molek. Manakala, Mahkamah Sivil Johor Bahru beroperasi di Menara MSC Cyberport dengan keluasan 4,023.51m.

Mahkamah Johor Bahru sedia ada terletak di Jalan Air Molek menempatkan lima (5) buah Mahkamah Tinggi, tujuh (7) buah Mahkamah Sesyen dan lima

(5) buah Mahkamah Majistret. Manakala Mahkamah Sivil Johor Bahru menempatkan empat (4) buah Mahkamah Tinggi, empat (4) buah Mahkamah Sesyen dan dua (2) buah Mahkamah Majistret.

Mahkamah Baharu Johor Bahru ini akan dibina di Nusajaya, Johor Bahru. Skop projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru yang mengandungi 20 bilik bicara iaitu enam (6) Mahkamah Tinggi, lapan (8) Mahkamah Sesyen dan enam (6) Mahkamah Majistret.

### **1.2.2. Mahkamah Baharu Pengerang, Johor**

Projek Pembangunan Mahkamah Baharu Pengerang adalah merupakan cadangan projek yang diberi keutamaan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) pada Tahun 2017.

Fungsi-fungsi Mahkamah telah bertambah dengan keperluan semasa. Hanya terdapat satu (1) bilik bicara sahaja berbanding dengan peningkatan kes dan kepadatan penduduk di Bandar Penawar dan Pengerang yang semakin meningkat. Terdapat beberapa projek mega yang telah dilaksanakan seperti Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) dan Kompleks Bersepadu Petrokimia Pengerang yang menyumbang kepada penambahan penduduk tempatan dan asing di Bandar Penawar. Pembangunan ini akan membantu pengurusan kes yang dijangka meningkat bersama pertambahan penduduk di kawasan Pengerang.

## 2. MEKANISMA PEMANTAUAN PROJEK

### 2.1. Lawatan Kerja

Sepanjang tahun 2017 Pengurusan Tertinggi BHEUU telah mengambil inisiatif untuk melakukan lawatan kerja secara konsisten ke tapak projek sebagai langkah pemantauan pelaksanaan projek. Butiran lawatan adalah seperti berikut:

TARIKH	PERKARA
27 Januari 2017	Lawatan Kerja YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU ke Kompleks Mahkamah Shah Alam, Selangor
13 Februari 2017	Lawatan Turun Padang (TUPA) YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU ke Tapak Projek Mahkamah Tapah, Perak
13 Mac 2017	Kunjungan Hormat YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU ke atas YB SUK Negeri Johor dan Lawatan ke Kerja ke Mahkamah Tinggi, Sesyen dan Majistret Johor Bahru, Johor
25 April 2017	Lawatan Kerja YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU ke Mahkamah Baru Kajang, Selangor
7 Mei 2017	Lawatan Kerja ke Tapak Cadangan Kompleks Mahkamah Johor Bahru, Johor di Nusajaya
16 Jun 2017	Lawatan Kerja YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU ke Istana Kehakiman, Putrajaya
31 Julai 2017	Lawatan YBrs. Dr. Timbalan Ketua Pengarah BHEUU ke Mahkamah Temerloh, Pahang dan Tapak Cadangan Projek Mahkamah Baharu Temerloh, Pahang
17 Ogos 2017	Lawatan Kerja YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU ke Mahkamah Sepang, Selangor
15 September 2017	Lawatan Turun Padang (TUPA) YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU ke Tapak Projek Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, Sabah
24 Oktober 2017	Lawatan Turun Padang (TUPA) YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU ke Tapak Projek Kompleks Mahkamah Kangar, Perlis
6 November 2017	Lawatan Turun Padang (TUPA) YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU ke Tapak Projek Kompleks Mahkamah Kota Bharu, Kelantan
12 Disember 2017	Lawatan Kerja YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU Ke Mahkamah Majistret Kuala Selangor, Selangor dan Tapak Cadangan Pusat Latihan Kehakiman Malaysia di Mukim Batang Berjuntai, Kuala Selangor, Selangor

## Lawatan Kerja KP BHEUU Ke Tapak Projek



YBhg. Datuk Jalil Marzuki mendengar penerangan mengenai kemajuan projek Mahkamah Baharu Tapah, Perak pada 13 Februari 2017



YBhg. Datuk Jalil Marzuki menyampaikan cenderahati kepada YB Datuk SUK Negeri Johor Sempena Kunjungan Hormat Beliau pada 13 Mac 2017



Lawatan YBhg. Datuk Jalil Marzuki ke Istana Kehakiman, Putrajaya bersama-sama pegawai-pegawai BHEUU, PKPMP dan JKR pada 16 Jun 2018



YBrs. Dr. Nor Mazny Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah BHEUU meninjau tapak cadangan projek Mahkamah Baharu Temerloh, Pahang pada 31 Julai 2017



YBhg. Datuk Jalil Marzuki mendengar penerangan mengenai kemajuan kerja-kerja penanaman cerucuk di tapak projek Kompleks Mahkamah Kangar, Perlis pada 24 Oktober 2017



YBhg. Datuk Jalil Marzuki mendengar penerangan mengenai kemajuan projek Kompleks Mahkamah Kota Bharu, Kelantan pada 6 November 2017

## 2.2. Mesyuarat

Bagi memastikan setiap projek yang dilaksanakan berjalan dengan lancar dan mengikut perancangan, BHEUU telah mengadakan beberapa siri mesyuarat penting pada tahun 2017 seperti berikut:

BIL.	MESYUARAT	KEKERAPAN	CATATAN
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan BHEUU	Setiap bulan	Bersama JKR dan PKPMP
2.	Mesyuarat Tapak	Setiap bulan	
3.	Mesyuarat Verifikasi dan Koordinasi Projek	Mengikut keperluan	
4.	Mesyuarat Semakan Kecacatan	Setiap tiga bulan	
5.	Mesyuarat Penyelarasan Projek	Mengikut keperluan	



Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan BHEUU bersama PKPMP dan JKR pada 20 Januari 2017



Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Kompleks Mahkamah Di Atas Tapak Cadangan Pembangunan Bangunan Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Nusajaya, Johor pada 7 Mei 2017

### 3. URUSAN PEROLEHAN TANAH

Urusan perolehan tanah bagi tapak projek pembangunan mahkamah bagi projek baru Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11) yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

BIL.	PROJEK	STATUS
1.	Kompleks Mahkamah Baharu Ipoh, Perak	Dalam proses permohonan tukarguna tanah status KJP daripada SPRM kepada BHEUU
2.	Mahkamah Baharu Kemaman	BHEUU sedang dalam proses mengenalpasti tapak yang sesuai untuk dijadikan tapak Mahkamah
3.	Mahkamah Baharu Temerloh, Pahang -	Urusan permohonan pemberimilikan tanah masih dalam tindakan Pejabat Tanah Negeri Pahang untuk kelulusan
4.	Mahkamah Baharu Bachok, Kelantan	Dalam proses permohonan tukarguna tanah milik MOA kepada JPM
5.	Mahkamah Baharu Tawau, Sabah	Tiada tapak milik PTP yang bersesuaian dan cadangan Pejabat Tanah dan Ukur Negeri Sabah adalah pengambilan bagi tanah individu.

### 4. PENUBUHAN MAHKAMAH KHAS

#### 4.1 PENUBUHAN MAHKAMAH KHAS JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK

Menyedari kepentingan pengwujudan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak, BHEUU telah mengambil tindakan proaktif dengan menyediakan bilik bicara bersesuaian bagi membicarakan kes-kes berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Ini termasukmelengkapi bilik bicara berkenaan dengan fasiliti seperti sistem *Court Recording Transcription (CRT)* dan *Teleconferencedalam projek-projek Mahkamah baharu yang bakal siap dibina bermula daripada projek di bawah *Rolling Plan ke-2 (RMKe11)*.*

BHEUU menyokong penuh usaha penubuhan Mahkamah Jenayah Khas ini sebagai menunjukkan komitmen dan keprihatinan kerajaan secara holistik untuk membanteras penganiayaan seksual kanak-kanak dan melindungi mereka. BHEUU turut memastikan bilik saksi yang disediakan adalah selesa dan selamat agar tidak memberikan rasa gerun kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual tersebut. Ianya sekaligus melancarkan perbicaraan kes yang melibatkan kanak-kanak.

## 4.2 PENUBUHAN MAHKAMAH KHAS JENAYAH SIBER

Seiring dengan kepesatan teknologi semasa, jenayah berkaitan siber juga semakin berleluasa. Oleh itu, Kerajaan berpendapat sudah tiba masanya Mahkamah Khas Jenayah Siber itu diwujudkan susulan trend serangan siber yang membimbangkan seperti penggodaman, penipuan dalam talian, *botnet*, *web-defacement*, kecurian maklumat, pengintipan, judi siber dan pornografi. BHEUU juga terlibat dengan penubuhan mahkamah ini melalui penambahan skop mahkamah khas ini pada fasa perancangan projek pembinaan semua mahkamah baharu yang telah diluluskan bermula daripada projek *Rolling Plan* ke-2 (RMKe11) dan seterusnya.

## SEKSYEN DASAR

### 1. PENTADBIRAN AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952 [AKTA 258]

#### 1.1 Senarai Yayasan Berdaftar

BHEUU merupakan pentadbir bagi Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [*Akta 258*]. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 43 yayasan telah berjaya diperbadankan menjadikan jumlah yayasan yang diperbadankan di bawah Akta 258 adalah 442 buah yayasan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23 buah yayasan telah dibubarkan manakala jumlah yayasan aktif adalah sebanyak 419.

#### 1.2 Sesi Pertemuan Bersama Yayasan Berdaftar di bawah Akta 258

Selain itu, BHEUU telah mengadakan Sesi Pertemuan Bersama Yayasan Berdaftar di bawah Akta 258 melibatkan yayasan-yayasan berikut:

- i. 17 Julai 2017 (Isnin) : Mar Thoma Syrian Church Of Malabar Diocese Of Malaysia & Singapore (MTSCM)
- ii. 18 Julai 2017 (Selasa) : Malaysia New Zealand Foundation (MNZF)
- iii. 26 September 2017 (Selasa) : Gurdwara Sahib
- iv. 27 September 2017 (Rabu) : Yayasan MATRI
- v. 19 Disember 2017 (Selasa) : ACCCIM Serc Trust



Sesi Pertemuan Bersama Mar Thoma Syrian Church Of Malabar Diocese Of Malaysia & Singapore (MTSCM)



Sesi Pertemuan Bersama Malaysia New Zealand Foundation (MNZF)



Sesi Pertemuan Bersama Gurdwara Sahib



Sesi Pertemuan Bersama Yayasan MATRI



Sesi Pertemuan Bersama ACCCIM Serc Trust

### 1.3 **Forum Non-Profit Organization (NPO) 2017: “Pengecualian Cukai Pendapatan Dan Jenayah Penyalahgunaan NPO”**

Pada 5 September 2017 (Selasa), BHEUU telah menganjurkan *Forum Non-Profit Organization (NPO) 2017: “Pengecualian Cukai Pendapatan Dan Jenayah Penyalahgunaan NPO”* melibatkan yayasan yang telah berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Forum tersebut telah dirasmikan oleh YB Dato’ Razali Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Sesi Bergambar Forum *Non-Profit Organization (NPO) 2017*

#### 1.4 Seminar Kebangsaan NPO 2017: “In The Interest of the Public”

Pada tahun 2017, BHEUU telah dilantik menjadi tuan rumah oleh *Sub-Committee on Non-Profit Organization (SCONPO)* bagi menganjurkan Seminar Kebangsaan NPO 2017: “*In The Interest of the Public*”. Seminar tersebut telah diadakan pada 9 November 2017 (Khamis) pukul 8.00 pagi bertempat di Dewan Harmoni Aras 2, BHEUU, melibatkan NPO yang berdaftar di bawah BHEUU, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan serta dirasmikan oleh YB Dato’ Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



YB Dato’ Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (tengah) dan YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU (kedua dari kiri) bersama-sama wakil-wakil daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

#### 1.5 3<sup>rd</sup> Counter-Terrorism Financing Summit

BHEUU telah menyertai *3<sup>rd</sup> Counter-Terrorism Financing Summit* yang diadakan pada 22 – 23 November 2017 bertempat di Sasana Kijang anjuran bersama Bank Negara Malaysia, Unit Perisikan Kewangan Australia (AUSTRAC) dan Unit Perisikan Kewangan Indonesia (PPATK).



Dari kiri ke kanan: Encik Iskandar Mohd Nuli (Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan),  
YBrs. Dr. Nor Mazny Abdul Majid (BHEUU) dan Puan Surayati Ibrahim (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)

## 2. LEMBAGA PENGAMPUNAN

### 2.1 **Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bil. 1/2017**

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-negeri Bil.1/2017 telah diadakan pada 18 Mei 2017 di Dewan Harmoni, Aras 2, BHEUU. Secara keseluruhannya, mesyuarat berkala dua kali setahun ini membincangkan isu-isu berkenaan Lembaga Pengampunan Negeri.



YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU, JPM bergambar bersama ahli mesyuarat.

### 2.2 **Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bil. 2/2017**

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-negeri Bil.2/2017 pula telah diadakan pada 28 September 2017 di Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis, Perlis. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU. Delegasi mesyuarat turut mengikuti lawatan ke Istana Arau (Balairong Seri) dan Galeri Diraja Arau Perlis sejurus selepas mesyuarat berakhir.



YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU bergambar bersama ahli mesyuarat



YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU bergambar bersama ahli mesyuarat semasa lawatan di Galeri Diraja Arau Perlis

### 3. PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NATIONAL HUMAN RIGHTS ACTION PLAN – NHRAP)

#### 3.1 Perbincangan Meja Bulat Bersama Jawatankuasa Teknikal Pembangunan NHRAP

BHEUU dengan kerjasama Hazizah & Co., perunding kajian dasar pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (*National Human Rights Action Plan – NHRAP*) telah mengadakan Perbincangan Meja Bulat (*Round Table Discussion – RTD*) Kajian Pembangunan NHRAP pada 10 dan 11 Januari 2017 bertempat di Dewan Harmoni Aras 2, BHEUU.

Tujuan utama RTD tersebut adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada *stakeholder* khususnya pandangan daripada Jawatankuasa Teknikal Pembangunan NHRAP (JKT NHRAP) yang terdiri daripada Kementerian/ agensi pelaksana terhadap cadangan draf NHRAP.



### 3.2 Perbincangan Meja Bulat Pemurnian Draf NHRAP

BHEUU telah mengadakan Perbincangan Meja Bulat (*Round Table Discussion – RTD*) Pemurnian Draf NHRAP pada 21 Ogos 2017 bertempat di Dewan Harmoni Aras 2, BHEUU. Tujuan utama RTD tersebut adalah untuk menyediakan ruang kepada kementerian/jabatan/agensi kerajaan khususnya agensi pelaksana untuk memberi maklum balas atas draf NHRAP sebelum dimuktamadkan.



### 3.3 Perjumpaan Bersama Wakil Dari *United Nations Resident Coordinator In Malaysia And UNDP Resident Representative For Malaysia, Singapore And Brunei Darussalam*

BHEUU telah menerima kunjungan hormat daripada *Mr. Stefan Priesner, United Nations Resident Coordinator In Malaysia And UNDP Resident Representative For Malaysia, Singapore And Brunei Darussalam* pada 22 Ogos 2017. Sesi tersebut telah dipengerusikan oleh YBhg Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU.



### 3.4 Seminar NHRAP 2017

BHEUU telah menganjurkan Seminar Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan 2017 yang bertemakan “**Human Rights and Policy Making**” di Auditorium Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri pada 29 Ogos 2017. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Ahmad Zaki Ansore bin Mohd Yusof, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri mewakili YBhg. Dato’ Sri Zainal Rahim bin Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Program ini telah dihadiri oleh para penjawat awam daripada pelbagai Kementerian dan Jabatan.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penjawat awam mengenai hubungan antara dasar awam dengan hak asasi manusia serta meningkatkan kesedaran penjawat awam berhubung kepentingan untuk memasukkan elemen-elemen yang berkait dengan hak asasi manusia dalam proses pembangunan dasar-dasar awam.

YBhg. Datuk Seri Ahmad Zaki Ansore, semasa menyampaikan ucapan mewakili YBhg. Dato' Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, telah menekankan kepentingan standard dan prinsip hak asasi manusia diterapkan dalam penggubalan dasar dan urusan organisasi Kerajaan bagi menjamin penyampaian perkhidmatan awam selaras dengan aspirasi transformasi negara.

Sesi forum bertajuk '*Human Rights and Policy Making*' terdiri daripada barisan panel yang berwibawa dan berpengetahuan luas dalam bidang hak asasi manusia. Forum tersebut telah membincangkan dan memberi kesedaran mengenai kepentingan penggunaan pendekatan hak asasi manusia (*human rights based approach*) dalam proses penggubalan dasar Kerajaan dan hubung kait dengan pembangunan negara serta peranan penjawat awam.



Majlis Perasmian oleh YBhg. Datuk Seri Ahmad Zaki Ansore bin Mohd Yusof, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri mewakili YBhg. Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam



Wakil-wakil Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan menghadiri Seminar NHRAP 2017

### 3.5 Perjumpaan Bersama Wakil Dari *United Nations Special Rapporteur For Human Rights In The Field Of Cultural Rights*

BHEUU telah menerima kunjungan hormat daripada Ms. Karima Bennoune, *United Nations Special Rapporteur For Human Rights In The Field Of Cultural Rights* pada 12 September 2017. Sesi tersebut telah dipengerusikan oleh YBhg Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU.



#### **4. AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]**

##### **4.1 Seminar Perbandingan Antara Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]**

Seminar Perbandingan Antara Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] telah diadakan pada 27 Oktober 2017 di Dewan Harmoni, BHEUU. Objektif Seminar ini adalah bertujuan menjelaskan tentang peruntukan-peruntukan di dalam Akta 88 dan Akta 711 yang memfokus kepada perbincangan kepada perlindungan kepada pemberi maklumat, tatacara yang betul dalam membuat pendedahan di bawah Akta 711 yang melibatkan dokumen atau maklumat yang dilindungi di bawah Akta 88 serta perbezaan-perbezaan, had-had yang bersangkutan serta kesan dan akibat antara perlindungan terhadap pemberi maklumat Akta 711 yang membuat pendedahan mengenai maklumat yang dilindungi oleh Akta 88.

Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU. Seminar ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada agensi penguatkuasaan di bawah pemantauan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan termasuk lapan (8) agensi penguatkuasaan utama sedia ada yang melaksanakan. Seminar ini turut dihadiri Bahagian Integriti dan Tadbir Urus, Jabatan Perdana Menteri (BITU) dan pegawai-pegawai integriti di Kementerian/Agensi peringkat persekutuan



YBhg. Datuk Jalil Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU merasmikan Seminar Perbandingan Antara Akta 88 dan Akta 711




YBhg. Datuk Jalil Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU bersama pegawai-pegawai kanan BHEUU, panel penceramah, peserta dan barisan urus setia.



Dari kiri YBrs. Puan Julaila Enggan panel bagi Akta 88, YBrs.Puan Shuhairoz Mohamed Shukeri panel bagi Akta 711 dan Dr Ramalingam Rajamanickam selaku moderator.

## **5. LAPORAN MAKLUM BALAS KERAJAAN TERHADAP LAPORAN TAHUNAN SUHAKAM 2016**

BHEUU merupakan agensi penyelaras bagi penyediaan Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM oleh semua Kementerian dan Jabatan yang berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh pihak SUHAKAM dalam laporan tahunan tersebut. Laporan Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM bagi tahun 2016 telah dikemukakan kepada Parlimen Malaysia pada 27 November 2017 dan telah diedarkan pada 30 November 2017.



# SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT

## 1. PORTAL RASMI BHEUU

Portal rasmi BHEUU ditambah baik bagi mematuhi ciri-ciri portal awam terkini dan berkongsi informasi kepada kumpulan sasaran dengan lebih cepat, tepat dan efektif. Portal rasmi ini dilihat sebagai wadah yang paling berkesan sebagai media perantaraan kepada semua pelanggan dalam memahami objektif, fungsi dan peranan BHEUU.

The screenshot shows the official website of the Department of Legislation (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang) under the Prime Minister's Office (Jabatan Perdana Menteri). The website features a dark blue header with navigation tabs: UTAMA, INFO BHEUU, AGENSI, SOALAN LAZIM, HUBUNGI KAMI, MEDIA, PENERBITAN, and ARKIB. Below the header is the official logo and name of the department. A search bar is located below the header. The main content area is divided into several sections: a large banner for 'PEMBANGUNAN URUSAN PERUNDANGAN DIPUSATKAN' with the text 'Ketahui Hak Anda Sebagai Pemberi Maklumat di sini !!'; a 'Perutusan' section featuring portraits and names of officials: YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, and YBHG. DATUK JALIL MARZUKI, Ketua Pengarah Bah. Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri; and a 'Berita' section with a link to 'BERITA PERHIMPUNAN BULANAN BHEUU BIL. 2/2018'. At the bottom, there is a 'PENGUMUMAN' section showing 'Tiada Pengumuman'.

Laman Web Rasmi BHEUU

## 2. PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI GENERIK

Sistem aplikasi generik dibangunkan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan operasi harian di BHEUU, JBG dan Mdl seperti:

- i. Sistem Urusan Parlimen;
- ii. Sistem Tanggung Kerja ;
- iii. Sistem Log Latihan;
- iv. Sistem Direktori Pegawai;
- v. Sistem Tempahan Kenderaan; dan
- vi. Sistem Semakan Tender dan Sebut Harga (SiTeS);

Pembangunan dan pelaksanaan sistem ini adalah tindakan responsif terhadap Pelan Strategik ICT Sektor Awam 2016 – 2020 yang memberi penekanan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi tujuan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus agensi.

Sistem Urusan Parlimen yang dibangunkan oleh SPM, BHEUU turut digunakan secara perkongsian pintar oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) manakala Sistem eTravel digunakan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, Kementerian Kewangan Malaysia.



Sistem Log Latihan BHEUU



Sistem e-Penanggungungan Kerja BHEUU



*Sistem Urusan Parlimen BHEUU*

### **3. KUMPULAN WANG AMANAH PROJEK ICT SEKTOR AWAM (KWAICT)**

Seramai 28 orang pegawai daripada BHEUU, Mdl dan MAMPU telah menerima pemberian ganjaran daripada KWAICT bagi projek Sistem Insolvensi Bersepadu (INSIST) yang telah dibangunkan secara dalaman oleh SPM BHEUU.



*Chief Information Officer (CIO) BHEUU menerima Sijil Penghargaan KWAICT semasa Seminar Public Sector Chief Information Officer Convention and Exhibition (CIO CONVEX) 2017 oleh Ketua Pengarah MAMPU*

#### 4. PROJEK INTEGRASI INSIST DENGAN AGENSI LUAR

Pembangunan integrasi INSIST dengan Jabatan Akauntan Negara (JANM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Institusi Kewangan dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) selesai dilaksanakan pada September 2017. Integrasi ini telah diimplementasi di 21 cawangan MdI seluruh Malaysia dan diguna pakai oleh agensi-agensi yang terlibat iaitu institusi-institusi kewangan di Malaysia, JANM dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP).

#### 5. ANUGERAH INOVASI JABATAN PERDANA MENTERI (AIJPM)

Dua (2) sistem iaitu Sistem Data Bank Mahkamah dan e-Insolvensi telah menyertai AIJPM yang dianjurkan oleh JPM pada tahun 2017. Pembentangan dan penilaian AIJPM 2017 telah diadakan di JPM pada 1 Ogos 2017.

##### 5.1 Sistem Data Bank Mahkamah

Sistem Data Bank Mahkamah merupakan sistem repositori maklumat mahkamah yang komprehensif dan boleh dicapai secara atas talian. Selain dari Seksyen Pembangunan di BHEUU, Sistem Data Bank Mahkamah turut digunakan secara perkongsian pintar oleh PKPMP dan mahkamah - mahkamah persekutuan di seluruh Malaysia.



*Ahli kumpulan inovasi yang menjayakan pembentangan Sistem Data Bank Mahkamah di AIJPM 2017*

## 5.2 Sistem e-Insolvensi

e-Insolvensi adalah sistem yang menawarkan perkhidmatan carian dan proses pembayaran elektronik secara atas talian. e-Insolvensi dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman yang selari dengan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada.



Ahli kumpulan inovasi yang menjayakan pembentangan Sistem e-Insolvensi di AIJPM 2017

## 6. ANUGERAH INOVASI ICT SEKTOR AWAM (AIICT)

Sistem Insolvensi Bersepadu (INSIST) telah dicalonkan bagi AIICT 2017. Sistem ini telah disenarai pendek antara lima (5) aplikasi terbaik oleh MAMPU bagi penilaian AIICT 2017. Lawatan Panel Penilaian AIICT telah diadakan pada 2 Ogos 2017.



Pembentangan Sistem INSIST oleh BHEUU semasa Lawatan Panel Penilai AIICT 2017 ke BHEUU



*Lawatan Panel Penilai AIICT 2017 ke BHEUU*

## 7. BENGKEL GAP ANALISIS INSIST 2.0

Bengkel Gap Analisis INSIST 2.0 telah diadakan pada 31 Oktober sehingga 2 November 2017 di Kelab Komuniti Taman Tasik Putrajaya. Bengkel ini telah dihadiri oleh wakil dari BHEUU, Mdl dan Perunding ICT MAMPU sebagai fasilitator.



*Bengkel Gap Analisis INSIST 2.0 pada 31 Oktober – 2 November 2017 di Kelab Komuniti Taman Tasik Putrajaya*



*CIO BHEUU menyampaikan cenderahati kepada wakil dari Perunding MAMPU yang menjadi fasilitator semasa bengkel.*



*Peserta Bengkel GAP Analisis INSIST 2.0*

## 8. AKTIVITI MIGRASI DATA DECOVERY CENTER PJ KE DATA DECOVERY CENTER BANDAR ENSTEK SERTA AKTIVITI PENGUJIAN BENCANA PERTAMA DI DRC BANDAR ENSTEK



*Aktiviti Pengujian di Pusat Pemulihan Data Bandar Enstek*

BHEUU merupakan antara agensi yang terlibat dengan perkhidmatan GDC-2 (Government Data Center-2) yang disediakan oleh MAMPU bermula tahun 2014 bagi perkhidmatan Pusat Pemulihan Bencana (DRC). Perkhidmatan yang telah dihoskan di GDC-2 adalah Portal BHEUU dan Portal Mdl.

Susulan daripada perancangan aktiviti migrasi server dari DRC Petaling Jaya ke DRC Bandar Enstek pada November 2016 yang lalu, pihak BHEUU telah berjaya memindahkan semua server tersebut pada 10 April 2017 secara *remote* di MAMPU, Cyberjaya.

Bagi mencapai objektif pelaksanaan DRC agensi, satu sesi aktiviti penyelenggaraan dan pengujian pemulihan bencana telah diadakan pada 25 April 2017 di PDSA Bandar Enstek. Pengujian ini dijalankan bagi memastikan dokumen dan strategi pemulihan bencana dan penyelesaian oleh BHEUU adalah tepat dan boleh dilaksanakan apabila berlaku bencana yang sebenar.

Aktiviti yang bermula daripada 8:00 pagi sehingga 1:00 petang telah disertai oleh beberapa pegawai ICT daripada BHEUU dan Mdl. Aktiviti ini juga mendapat kerjasama dan bantuan daripada pihak MAMPU, GITN dan Strateq Sdn Bhd bagi melancarkan operasi pengujian bagi perkhidmatan yang berkaitan. Kedua-dua Portal BHEUU dan Portal Mdl telah berjaya diuji dan telah direkodkan bagi tujuan rujukan dan pelaporan.

## 9. TAKLIMAT DASAR KESELAMATAN ICT (DKICT)

Taklimat Dasar Keselamatan ICT (DKICT) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10 Bangunan BHEUU pada 8 November 2017 dengan dihadiri 10 orang kakitangan baharu Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Insolvency Malaysia dan Jabatan Bantuan Guaman Malaysia.

Objektif taklimat tersebut seperti berikut:

- i. Memberi penerangan dan kesedaran mengenai dasar keselamatan ICT Jabatan versi 2.0; dan
- ii. Keperluan menandatangani surat akuan pematuhan bagi memastikan semua pengguna BHEUU, JBG dan Mdl memahami DKICT.



*Peserta mendengar taklimat yang disampaikan oleh Encik Asnal Nadhim Khirrudin*

## 10. LAWATAN PEMBUDAYAAN ICT KE KUMPULAN MEDIA KARANGKRAF

Program lawatan ini merupakan salah satu program pembudayaan ICT yang dilaksanakan di BHEUU setiap dua (2) tahun sekali. Lawatan ke Kumpulan Media Karang kraf diadakan bagi memberi pendedahan kepada peserta lawatan mengenai proses-proses yang terlibat dalam menerbitkan sesuatu bahan dokumentasi bermula dari pengumpulan bahan sehinggalah ke proses percetakan yang mana menggunakan aplikasi teknologi ICT secara keseluruhannya.

Seramai 37 orang peserta dari kalangan warga BHEUU telah menyertai sesi lawatan ini dengan diketuai oleh YBrs. Encik Mohd Yusoff bin Aman, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) BHEUU.



Promosi World Quran Hour



Lawatan ke Unit Penulisan



Proses Semakan Kualiti Bahan Cetakan



Lawatan Ke Kilang Percetakan



Sesi Photoshoot di Studio




Sesi Photoshoot di Studio




Peserta Lawatan ke Kumpulan Media Karang kraf

## SEKSYEN KEWANGAN

Bajet Mengurus Tahun 2017 yang diluluskan untuk aktiviti di bawah program BHEUU termasuk JBG dan Mdl adalah berjumlah RM93,838,300. Perbelanjaan sehingga 31 Disember 2017 adalah RM104,281,316 daripada peruntukan dipinda RM101,318,978.



Bajet Pembangunan yang diluluskan pada tahun 2017 adalah berjumlah RM76,127,800.00. Jumlah perbelanjaan sebenar adalah RM118,088,758.78 berbanding peruntukan dipinda RM118,560,696.01. Keseluruhan perbelanjaan adalah merangkumi projek fizikal dan bukan fizikal.



BHEUU termasuk JBG dan Mdl telah memproses 37,601 bil berjumlah RM399,444,760.20 dan diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 14 hari kecuali 44 bil berikutan penutupan akaun tahun 2017 di mana sistem tidak stabil dan menyebabkan baucar bayaran lambat diproses.

# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## 1. KEURUSETIAAN

Beberapa Mesyuarat telah diadakan pada tahun 2017 seperti berikut:

- i. Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan)
- ii. Panel Pembangunan Sumber Manusia (Pergerakan Gaji)
- iii. Panel Pembangunan Sumber Manusia (APC)
- iv. Panel Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat BHEUU
- v. Ketua-Ketua Jabatan
- vi. Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)
- vii. Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
- viii. Pengurusan
- ix. Lembaga Tatatertib
- x. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan
- xi. Mesyuarat Bersama Polis Bantuan
- xii. Mesyuarat Pemandu Jabatan dan Pembantu Operasi
- xiii. Mesyuarat Perkhidmatan Kantin dan Katering
- xiv. Mesyuarat Penyelenggaraan Bangunan 3G1 Bersama Pihak Penyelenggara Bangunan (JKR dan JRM)

## 2. KURSUS DAN LATIHAN

Kerajaan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 29 Februari 2016 telah menetapkan bahawa selaras dengan langkah merasionalisasi Perkhidmatan Awam serta mengoptimumkan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan, pelaksanaan dasar berkursus tujuh (7) hari setahun bagi semua anggota Perkhidmatan Awam seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 “Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam” (PP 6/2005) adalah ditangguhkan. Walau bagaimanapun, Kursus/ Latihan yang dirancang di bawah Pelan Operasi Latihan 2017 yang telah dipersetujui oleh

Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) BHEUU tetap dilaksanakan dan telah mencapai sasaran kehadiran pegawai BHEUU menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) hari berkursus. Program Ceramah Keutuhan dan Latihan yang telah diadakan pada tahun 2017 seperti berikut:

BIL	PROGRAM	TARIKH
1.	Seminar Pengenalan Penterjemahan BHEUU 2017	28 Februari 2017
2.	Kursus <i>Hardening For Security Posture Assessment</i>	7 Mac 2017
3.	Bengkel Penyediaan Garis Panduan Sistem Pengurusan Kehadiran BHEUU	15 Mac 2017
4.	Ceramah Keutuhan Bil.1/2017 "Pengurusan Harta Pusaka, Hukum dan Nasab"	29 Mac 2017
5.	Kursus Pengauditan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Peringkat Bahagian Hal Ehwal Undang - Undang	4 - 5 Mei 2017
6.	Bengkel Pengurusan Dokumen Terperingkat Bahagian Hal Undang - Undang (BHEUU)	16 - 17 Mei 2017
7.	Kursus <i>Best Practice In SQL Server</i>	22 - 23 Mei 2017
8.	Ceramah Keutuhan Bil.2/2017 "Forum Perdana : <i>Route To Ramadhan</i> "	23 Mei 2017

BIL	PROGRAM	TARIKH
9.	Kursus Team Up! 2.0 BHEUU	2 - 5 Ogos 2017
10.	Ceramah Keutuhan Bil.3/2017 "Tumbuk Rusuk Pengkisah Dari Tirai Besi" (Integriti)	24 Ogos 2017
11.	Kursus Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan	12-13 September 2017
12.	Kursus Adobe Photoshop dan Adobe Indesign	18 - 21 September 2017
13.	Kursus Pengurusan Kewangan Berkualiti Tahun 2017	25 - 26 September 2017
14.	Bengkel Pemurnian Buku Garis Panduan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	27 - 28 September 2017
15.	Kursus Pencegahan Kebakaran dan Keselamatan (Asas) Tahun 2017 Pasukan Keselamatan Kebakaran dan Bencana (PKKB) BHEUU	2 - 5 Oktober 2017
16.	Ceramah Keutuhan Bil.4/2017 " Cyberbully, viral & keyboard Warrior.. Apa kesudahannya??"	12 Oktober 2017
17.	Kursus <i>Security Posture Assessment (SPA) - Penetration Testing Training</i>	23 - 24 Oktober 2017



Para peserta sedang tekun mendengar Seminar Pengenalan Penterjemahan oleh fasilitator daripada Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) di Aras 10, BHEUU pada 28 Februari 2017



YBrs. Dr. Murshaddad Hasbullah, Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memberikan ceramah bertajuk "Pengurusan Harta Pusaka : Hukum dan Nasab" pada 29 Mac 2017 di Dewan Harmoni, BHEUU



YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU dan Encik Azham bin Haji Mohd Yassin, Pengarah (Kewangan) BHEUU sedang bersedia untuk menyempurnakan cabaran InCube di iLead Park, INTAN Wilayah Utara semasa Kursus Team Up! BHEUU 2017 yang diadakan pada 2 – 5 Ogos 2017

### **3. PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)**

3.1 Seksyen Pengurusan Sumber Manusia BHEUU telah memantau pelaksanaan modul-modul HRMIS sehingga Disember 2017. Pencapaian pengemaskinian HRMIS berdasarkan kepada KPI yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- |      |                              |        |
|------|------------------------------|--------|
| i.   | Submodul Rekod Peribadi      | : 100% |
| ii.  | Submodul Profil Perkhidmatan | : 100% |
| iii. | Submodul Perisytiharan Harta | : 100% |
| iv.  | Submodul SKT                 | : 100% |

#### 4. STATISTIK SUMBER MANUSIA

4.1 Maklumat Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut :

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	*P	*I	*K
1	Pengurusan Tertinggi	2	2	0
2	Pengurusan dan Profesional	49	46	3
3	Kumpulan Pelaksana (29-40)	42	39	3
4	Kumpulan Pelaksana (19-26)	71	64	7
5	Kumpulan Pelaksana (1-14)	30	30	0
<b>JUMLAH</b>		<b>194</b>	<b>181</b>	<b>13</b>

Nota: \*P=Perjawatan, \*I=isi, \*K=Kosong

4.2 Unit Sumber Manusia juga bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan Perkhidmatan, Tuntutan dan Elaun. Sehingga 31 Disember 2017, jumlah urusan yang diproses adalah seperti berikut :

JENIS PERKHIDMATAN, TUNTUTAN & ELAUN	BILANGAN
Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK)	5
Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor	1
Elaun Perumahan Wilayah	1
Bayaran Insentif Wilayah	1
Bayaran Insentif (Jawatan Kritikal)	3

<b>Bayaran Insentif JUSA</b>	3
<b>Tambang Mengunjungi Wilayah Asal</b>	98
<b>Pindah Rumah</b>	15
<b>Tanggung Kerja</b>	357
<b>Perubatan</b>	1
<b>Cuti Kuarantin</b>	23
<b>Cuti Menjaga Anak</b>	14
<b>Cuti Tanpa Gaji</b>	13
<b>Cuti Separuh Gaji</b>	14
<b>Hadiah Latihan Persekutuan</b>	7

Carta : Jumlah urusan berkaitan Perkhidmatan, Tuntutan dan Elaun yang telah diuruskan oleh Unit Sumber Manusia

## **5. PENGURUSAN PENYEWAAN RUANG PEJABAT DAN RUANG STOR CAWANGAN-CAWANGAN JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG) DAN JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA (Mdl), PENGURUSAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN RUANG PEJABAT BHEUU DAN CAWANGAN-CAWANGAN Mdl DAN PERKHIDMATAN KONTRAK DI BHEUU**

- 5.1 BHEUU telah menguruskan sebanyak 32 kontrak penyewaan ruang pejabat dan ruang stor iaitu 16 kontrak ruang pejabat Mdl, 13 kontrak ruang pejabat JBG dan 3 kontrak ruang stor Mdl mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 5.2 BHEUU juga bertanggungjawab menguruskan sebanyak 16 kontrak perkhidmatan pembersihan dan pencucian ruang pejabat di cawangan-cawangan Mdl.

5.3 BHEUU turut menyelaraskan dan memantau kontrak bagi perkhidmatan berikut:

- 5.3.1 Perkhidmatan kantin dan katering di bangunan BHEUU;
- 5.3.2 Perkhidmatan pembekalan alat pewangi automatik;
- 5.3.3 Pelantikan syarikat penyewaan mesin *water dispenser* serta mengurus tempahan air minuman *water dispenser* mengikut keperluan;
- 5.3.4 Penyewaan dan penyelenggaraan pokok bunga hidup hiasan berpasu di Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang.
- 5.3.5 Penyewaan dan penyelenggaraan mesin fotostat dengan syarikat pembekal.
- 5.3.6 Sewaan bagi menempatkan struktur pemancar mudah Alih di Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Lot 3G1, Presint 3, Putrajaya;
- 5.3.7 Bekalan akhbar tempatan sebagaimana diperuntukkan untuk pegawai-pegawai kanan dan *pool* di seksyen/unit BHEUU serta menguruskan pembayaran; dan
- 5.3.8 Pengeposan surat-surat pos biasa dan pos berdaftar serta urusan pembelian setem dan pos berdaftar
- 5.3.9 Perkhidmatan pembersihan dan pencucian bangunan BHEUU
- 5.3.10 Perkhidmatan dan penyelenggaraan bangunan BHEUU oleh pihak kontraktor RASB.

## **6. PROGRAM INOVASI**

### **6.1 PENGIKTIRAFAN BERKAITAN PENGURUSAN KUALITI & INOVASI**

#### **6.1.1 Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2017**

Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2017 diadakan pada 11 November 2017 di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara. Sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan (HIK) Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2017 bertemakan "Inovasi : Suatu Realiti Baharu". Penganjuran HIK 2017 adalah untuk memberi pengiktirafan kepada Jabatan/Agensi JPM yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam pelbagai bidang sama ada pengurusan, penghayatan dan amalan inovasi, penglibatan aktif dalam bidang sosial serta kecemerlangan dalam aktiviti sukan. Pelbagai aktiviti telah dirancang sebagai pengisian HIK 2017 seperti Bicara Inovasi, Taman Inovasi, Bazar/Pameran Inovasi serta Kuiz dan Pertunjukan Inovasi.

## **6.2 LAPORAN PEMBUDAYAAN KREATIVITI DAN INOVASI**

### **6.2.1 Kursus Peningkatan Diri Juruaudit EKSA BHEUU**

Kursus Pengauditan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Peringkat Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang telah diadakan di Dewan Harmoni, BHEUU pada 4 dan 5 Mei 2017. Kursus ini telah dianjurkan oleh Unit Inovasi, BHEUU. Seramai 42 orang Juru Audit EKSA dan ketua-ketua sektor telah menghadiri bengkel ini. Objektif bengkel ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta sekali gus meningkatkan kemahiran serta kecekapan Jawatankuasa Audit BHEUU dalam merancang, menilai dan melaporkan dapatan audit EKSA.

## **6.2.2 Lawatan Penanda Aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang**

Lawatan Penanda Aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) ke Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) telah diadakan pada 9 Ogos 2017. Lawatan ini telah dihadiri oleh 29 orang peserta yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) BHEUU dan disertai bersama Jawatankuasa Latihan dan Keselamatan, Jawatankuasa Audit Dalam EKSA dan Penyeragaman, Jawatankuasa Promosi serta ketua-ketua sektor yang dilantik. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan perkongsian pengalaman berkenaan amalan EKSA di JAIM memandangkan agensi tersebut telah mendapat pensijilan EKSA dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

## **7. HUBUNGAN MAJIKAN – PEKERJA**

- 7.1 Majlis Bersama Jabatan telah diadakan sebanyak 4 kali bagi tahun 2017. Sebanyak 6 usul telah dikemukakan untuk tindakan CUEPACS dan 9 usul telah dikemukakan untuk tindakan pihak majikan.
- 7.2 Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bilangan 4 Tahun 2017 telah diadakan pada 24 Oktober 2017 di TH Hotel & *Convention Centre*, Alor Setar, Kedah. Ahli Majlis Bersama Jabatan bersama pihak Pengurusan BHEUU, Mdl dan JBG turut dibawa melawat Penjara Alor Setar bagi mengetahui prosedur pengurusan banduan di samping melawat bengkel kerja di Penjara Alor Setar. Wakil Pekerja juga berpeluang untuk beramah mesra dengan pihak Pengurusan tertinggi jabatan di dalam Majlis Makan Malam bersama Pengurusan Tertinggi BHEUU, Mdl dan JBG.

## 8. PUSAT SUMBER

8.1 Sepanjang tahun 2017, Pusat Sumber BHEUU telah mengadakan beberapa program/aktiviti bertujuan membudayakan amalan membaca serta mewujudkan budaya cintakan ilmu dalam kalangan warga BHEUU, JBG dan Mdl.

8.2 Aktiviti yang diadakan adalah seperti berikut:

### 8.2.1 Jaja Buku

Aktiviti ini telah diadakan sebanyak 6 kali. Jaja Buku ini berkonsepkan perpustakaan bergerak di mana buku-buku akan dibawa oleh staf perpustakaan ke meja warga BHEUU. Warga BHEUU boleh meminjam dan memulangkan buku sewaktu aktiviti ini tanpa perlu datang ke perpustakaan.

### 8.2.2 Program 30 Minit @ Pusat Sumber

Program 30 Minit @ Pusat Sumber ini diadakan setiap dua minggu sekali bermula pada bulan Jun 2017, di mana setiap kakitangan perlu hadir ke Pusat Sumber mengikut giliran yang telah ditetapkan dan digalakkan menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Sumber selama 30 minit bagi setiap sesi.



Warga BHEUU sedang menggunakan kemudahan Pusat Sumber dalam Program 30 Minit @ Pusat Sumber

### 8.2.3 Kempen Derma Bahan Bacaan

Kempen derma bahan bacaan yang telah dirasmikan oleh mantan Ketua Pengarah BHEUU pada 15 April 2016 turut dilaksanakan sepanjang tahun 2017. Melalui kempen ini, Pusat Sumber BHEUU telah berjaya mengumpul lebih 600 naskhah pelbagai jenis bahan bacaan.



Antara bahan bacaan yang didermakan oleh warga BHEUU, JBG dan Mdl

### 8.2.4 Taklimat Perpustakaan Digital: Maklumat Di Hujung Jari

Pusat Sumber BHEUU dengan kerjasama pegawai dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menganjurkan taklimat berhubung perpustakaan digital kepada semua warga BHEUU, JBG dan Mdl semasa Perhimpunan Bulanan BHEUU Bilangan 7 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 9 Ogos 2017.



Taklimat Perpustakaan Digital: Maklumat Di hujung Jari telah disampaikan oleh Encik Tamimi bin Haji Taib dari Perpustakaan Negara Malaysia

### **8.2.5 Anugerah Peminjam Buku Terbanyak**

Anugerah Peminjam Buku Terbanyak ini diadakan sebanyak dua (2) kali setahun bagi memberi penghargaan kepada pengguna Pusat Sumber yang aktif meminjam dan menggunakan perkhidmatan perpustakaan. Penganugerahan seumpama ini diharap dapat menjadi dorongan dan motivasi kepada warga BHEUU, JBG dan Mdl yang lain untuk terus mengunjungi Pusat Sumber. Anugerah ini diharap bukan sahaja dapat memupuk minat dan amalan membaca malah secara langsung turut menggalakkan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat.



Puan Sarimah binti Ali dari Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) Pemenang Anugerah Peminjam Buku Terbanyak bagi bulan Jun 2017



Puan Siti Zaleha binti Mohd. Salji dari Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Pemenang Anugerah Peminjam Buku Terbanyak bagi bulan Disember 2017

### **8.2.6 Program Galakkan Membaca – Riang Ria Cuti Sekolah**

Program ini telah diadakan pada 21 Mac 2017 (Selasa) sempena cuti persekolahan penggal pertama untuk anak-anak warga BHEUU, JBG dan Mdl telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU. Turut hadir sama YBhg. Dato' Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, Ketua Pengarah Jabatan Insolvency Malaysia dan YBhg. Datuk Haini binti Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman. Program ini telah dihadiri seramai 60 orang kanak-kanak. Antara aktiviti yang diadakan ialah Bercerita Bersama Datuk, pertandingan mewarna, kuiz dan tayangan video.



Sesi Bercerita Bersama YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU



Pertandingan Mewarna Bersama Anak-Anak Warga BHEUU, JBG dan Mdl

## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT(UKK)

### 1. UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Unit Komunikasi Korporat dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan publisiti, dokumenstasi gambar, promosi dan menyebarkan maklumat aktiviti jabatan kepada orang awam.

### 2. FUNGSI UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

- i. Merancang dan menyelaras pelan komunikasi, promosi dan publisiti BHEUU agar program dan aktiviti mendapat liputan meluas oleh mediamassa;
- ii. Mengurus dan menyelaras bahan penerbitan BHEUU seperti Laporan Tahunan, e- Buletin BHEUU dan lain-lain penerbitan bagi tujuan mempromosi jabatan;
- iii. Memantau dan menguruskan hal-hal berkaitan dengan pengurusan pelanggan secara profesional dan berwibawa bagi meningkatkan imej korporat;
- iv. Menyelaras dan menjawab maklum balas dan aduan dengan cekap dan efisien;
- v. Menyelaras maklumat BHEUU untuk dikemaskini di Laman Web/Intranet/i-Board/ *Facebook*;
- vi. Memastikan aktiviti dan program BHEUU didokumentasikan dalam bentuk video/CD/penulisan/foto; dan
- vii. Menyelaras lawatan rasmi ke BHEUU

### 3. SENARAI AKTIVITI UKK SEPANJANG TAHUN 2017

Bil	Aktiviti	Bulan
1	Penerbitan Buku Laporan Tahunan BHEUU	30 Jun 2017
3	Kajian Kepuasan Pelanggan	23 Oktober – 23 November 2017
4	Pertandingan Lagu-lagu Puisi Bersempena Program Bulan Bahasa Kebangsaan	31 Oktober 2017
6	Mengemaskini Aktiviti di Portal BHEUU, Facebook ,I-bord dan Intranet	Sepanjang tahun
7	Laporan Keratan Akhbar Harian	Sepanjang tahun
8	Rakaman Video aktiviti BHEUU	Sepanjang tahun
9	Mendokumentasikan Gambar	Sepanjang tahun
10	Memberi maklum balas untuk aduan dan pertanyaan	Sepanjang tahun

#### Aktiviti Sepanjang Tahun 2017



Perhimpunan Bulanan Bersama YB Menteri



Perhimpunan Bulanan BHEUU



Pertandingan Lagu-lagu Puisi Bersempena Program Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat BHEUU

**PUSPANITA CAWANGAN KECIL  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG**



**1. Senarai Ahli Jawatankuasa Tahun 2017**

**Jawatan**

**Nama**

Penasihat	: YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki
Pengerusi	: YBhg. Datin Foziyah binti Nasir
Timbalan Pengerusi I	: YBhg. Datin Norhaliza binti Hassan (Mdl)
Timbalan Pengerusi II	: Puan Hajah Noor Hadina binti Ahmad Zabidi (JBG)
Naib Pengerusi I	: Puan Hadiyatul Hayati binti Khalil (BHEUU)
Naib Pengerusi II	: Puan Raden Lailani binti Raden Othman (Mdl)
Setiausaha	: Cik Norliza binti M Jamil (BHEUU)
Penolong Setiausaha	: Puan Sadila Suharti binti Abu Salim (Mdl)
Bendahari	: Cik Nazlina Azlin binti Adamsah (BHEUU)
Penolong Bendahari	: Puan Nor Hafizah binti Ahmad Fauzi (Mdl)
Pemeriksa Kira-kira I	: Puan Shaezliana binti Shaein (BHEUU)

<b>Jawatan</b>	<b>Nama</b>
Pemeriksa Kira-kira II	: Puan Fifi Liana binti Nasrun (JBG)
Pemegang Amanah I	: Puan Zuhairah binti Zainuddin (JBG)
Pemegang Amanah II	: Cik Siti Nor Farizan binti Ab Aziz (Mdl)
Ketua Biro Agama	: Puan Sharifah Fadhilatu Mariam binti Syed Ali (JBG)
Ketua Biro Pendidikan & Pembangunan Keluarga	: Puan Norazlina binti Abd Hamid (BHEUU)
Ketua Biro Ekonomi	: Puan Fazilah binti Ahmad Ramli (BHEUU)
Ketua Biro Kesihatan & Sukan	: Puan Zurina binti Razali (JBG)
Ketua Biro Keahlian & Kebajikan	: Puan Wan Musnita binti Wan Mustapha (Mdl)
Ketua Biro Sosial & Kebudayaan	: Puan Renu Eh Noran (Mdl)
Ketua Biro Perundangan & Kepenggunaan	: Puan Atiqah binti Mohamed @ Mohamed Saim (Mdl)
Ketua Biro Pembangunan Alam Bina & Lestari	: Puan Wan Suriani binti Wan Mohamed (Mdl)
Ketua Biro ICT, Penerbitan & Seranta	: Puan Nor Ashekin binti Anwar (BHEUU)

## 2. Jumlah Keahlian Tahun 2017

Bil.	Jabatan/ Agensi/ Daerah	Jumlah Keahlian
(i)	BHEUU	85
(ii)	Mdl	129
(iii)	JBG	42
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>256</b>

## 3. Aktiviti-aktiviti Sepanjang Tahun 2017

Bil.	Tarikh	Aktiviti
1.	17 Februari 2017	Jualan Preloved Sale diadakan di ruang legar lobi BHEUU.
2.	27 Februari 2017	Penyertaan seramai 10 orang ahli persatuan ke Ladies Nite – Arabian Nite anjuran PUSPANITA Kebangsaan di Dewan Seri Endon, PUSPANITAPURI pada pukul 8.00 malam.
3.	1 Mac 2017	Lawatan Berpandu Berkumpulan Sempena Hari Kraf Kebangsaan 2017 (HKK2017) di Kompleks Kraf Kuala Lumpur melibatkan seramai 26 orang ahli persatuan.
4.	27 Mac 2017	Penyertaan seorang pegawai lelaki BHEUU ke Seminar Tahunan Kesihatan PUSPANITA: Kesihatan Lelaki mulai pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang di Dewan Seri Endon, PUSPANITAPURI.
5.	29 Mac 2017	Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Ke – 7 PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU diadakan di

Bil.	Tarikh	Aktiviti
		Dewan Harmoni Aras 2, BHEUU JPM.
6.	10 April 2017	Penyertaan 7 orang ahli persatuan ke Hari Setiausaha: "Memperkasa Peribadi: Menjana Produktiviti" yang diadakan di Dewan Seri Endon, PUSPANITAPURI.
7.	20 April 2017	Penyertaan seramai 20 orang ahli persatuan ke Majlis Hi-Tea: Seindah Budi Semurni Hati anjuran PUSPANITA JPM yang diadakan pada pukul 3.30 petang di The Everly Hotel, Putrajaya. Persatuan dipertanggungjawabkan bagi urusan pendaftaran, hadiah cabutan bertuah dan jurugambar.
8.	19 Mei 2017	Program Solat Sunat Dhuha bimbingan Ustazah Norhayati binti Ibrahim, Guru Takmir Jabatan Agama Islam Pahang melibatkan 80 orang ahli persatuan pada pukul 8.30 pagi hingga 10.00 pagi bertempat di Surau Aras 2, BHEUU JPM.
9.	23 Mei 2017	Program Forum Perdana: <i>Route to Ramadhan</i> pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari bertempat di Dewan Harmoni Aras 2, BHEUU JPM anjuran bersama Biro Agama PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU, Biro Agama KSK BHEUU dan Unit Latihan BHEUU.
10.	24 Mei 2017	Demo Masakan Menu Makanan Sihat Sempena Ramadan Untuk Seisi Keluarga pada pukul 11.00 pagi hingga 1.00 tengah hari bertempat di Bilik KSK Aras G, BHEUU JPM.
11.	26 Mei 2017	Kelas Tutorial Solekan Glam Raya 2017 Siri 1/2017, pukul 12.15 tengah hari hingga 2.45 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Gemilang Aras 6, BHEUU JPM.
12.	1 Jun 2017	Program Tadarus & Khatam Al-Quran Perdana Tahun 2017/1438H anjuran PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri (JPM) melibatkan 10 orang ahli persatuan diadakan pada pukul 8.00 pagi hingga

Bil.	Tarikh	Aktiviti
		12.00 tengah hari di Dewan Solat, Surau Mahmoodiah Presint 18, Putrajaya.
13.	9 Jun 2017	Program Solat Sunat Tasbih bimbingan Ustazah Norhayati binti Ibrahim, Guru Takmir Jabatan Agama Islam Pahang melibatkan 30 orang ahli persatuan pada pukul 8.30 pagi hingga 11.00 pagi bertempat di Surau Aras 2, BHEUU JPM.
14.	20 Julai 2017	Penyertaan 5 orang ahli persatuan ke Kursus Pengurusan Haji 1438H "Lambaian Kaabah" pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Dewan Seri Endon, PUSPANITAPURI anjuran PUSPANITA Kebangsaan.
15.	21 Julai 2017	Penyertaan 13 orang ahli persatuan ke "Ceramah Sayangi Diri Anda: Bagaimana Menguruskan Stres" dan "Majlis Aidilfitri Dirai, Solidariti Bersemi: Kemeriahan Hari Raya di Desa", pukul 8.00 pagi hingga 2.00 petang di Dewan Makan Aras 2 Blok B1, Kompleks JPM anjuran PUSPANITA JPM.
16.	27 Julai 2017	Penyertaan 1 orang pegawai BHEUU dan 2 orang pegawai Mdl ke Kursus Pengurusan Jenazah "Pemergian Secara Terhormat" pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Dewan Serbaguna Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Tuanku Abdul Halim, KL anjuran PUSPANITA Kebangsaan.
17.	9 Ogos 2017	Penyertaan YBhg. Datin Pengerusi dan YBhg. Datin Timbalan Pengerusi I dalam Lawatan ke Wad Kanak-Kanak Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) "Berkongsi Rasa, Bertaut Kasih" pukul 8.30 pagi hingga 1.30 tengah hari.
18.	11 Ogos 2017	Penyertaan 8 orang ahli persatuan dalam Larian Obor Kuala Lumpur 2017 bertempat di Dataran Gemilang Putrajaya.
19.	27 Ogos 2017	Penyertaan YBhg. Datin Pengerusi dan 4 orang

Bil.	Tarikh	Aktiviti
		ahli persatuan dalam Pertandingan Bowling Peringkat PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri Tahun 2017, pukul 8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari di ARL Power Bowl Alamanda Putrajaya.
20.	31 Ogos 2017	Penglibatan 2 orang ahli persatuan masing-masing dalam Pertandingan Pantun Patriotik Merdeka dan Pertandingan Sajak Merdeka Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke – 60 anjuran PUSPANITA Kebangsaan.
21.	19 September 2017	Penglibatan YBhg. Datin Pengerusi dan seorang ahli persatuan ke Persidangan Tahunan Agama PUSPANITA Tahun 2017 anjuran PUSPANITA Kebangsaan, pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang di Dewan Seri Endon, PUSPANITAPURI.
22.	13 – 15 Oktober 2017	Penglibatan YBhg. Datin Pengerusi dan 2 orang ahli persatuan serta seorang juru foto BHEUU ke Program iM4U “Belia Aktif, Masyarakat Sejahtera” anjuran PUSPANITA Kebangsaan, di Institut Pendidikan Guru, Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru.
23.	21 November 2017	Majlis Apresiasi Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU Sesi 2015/2017 Dan Sesi 2017/2019 Yang Bertukar Keluar, pukul 2.30 petang hingga 4.30 petang di Dewan Harmoni Aras 2, BHEUU JPM.
24.	23 – 24 November 2017	Penglibatan YBhg. Datin Pengerusi dan 3 orang ahli persatuan serta seorang juru foto BHEUU ke Persidangan Tahunan PUSPANITA Tahun 2017 anjuran PUSPANITA Kebangsaan, pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang di Dewan Seri Endon, PUSPANITAPURI.
25.	30 November 2017	Penglibatan anak seorang ahli persatuan ke Bengkel Pendidikan “Fun With English For Teenagers” anjuran PUSPANITA Kebangsaan,

Bil.	Tarikh	Aktiviti
		pukul 7.30 pagi hingga 4.00 petang di Dewan Seri Endon, PUSPANITAPURI.
26.	Setiap hari Jumaat minggu pertama/ kedua	Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat/Tahlil anjuran bersama persatuan dan KSK BHEUU pukul 8.30 pagi hingga 9.00 pagi di Surau Aras 2, BHEUU JPM.
27.	Setiap hari Selasa @ Rabu	Kelas Pengajian Al-Quran dan Tajwid melibatkan 20 orang ahli persatuan bimbingan Ustaz Solehuddin bin Zakaria, bekas guru Kafa dan Ustaz Huzaifah bin Jalil Marzuki, Penolong Imam Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Bilik Mesyuarat Gemilang Aras 6 @ Bilik Mesyuarat Bahagian Likuidasi Aras 3.
28.	Setiap hari Jumaat	Jualan PUSPANITA BHEUU diadakan secara berkala (selain daripada minggu gaji), pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Ruang Legar Lobi dan Laman Hijau, BHEUU JPM.



Mesyuarat Agung Tahunan Puspanita Cawangan Kecil Bheuu Ke-7 Pada 29 Mac 2017  
Di Dewan Harmoni Aras 2, Bheuu



LADIES NITE – ARABIAN NITE 27 Februari 2017 De' Seri Endon, PUSPANITAPURI, Presint 10



Majlis Bacaan Yasiin dan Doa Selamat/Tahlil Sepanjang bulan Januari hingga Disember 2017 bertempat di Surau BHEUU, Aras 2, BHEUU, JPM



Kelas Pengajian al-Quran dan Tajwid Setiap hari Rabu : Feb – Nov 2017

Setiap Selasa : Ogos – Disember 2017



Forum Perdana: Route To Ramadhan (Ceramah Keutuhan BHEUU) 23 Mei 2017



Majlis Taddarus Peringkat JPM 1 Jun 2017 di Surau Mahmuddiah, Presint 18

## **JABATAN BANTUAN GUAMAN**

**JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG)**

**PENGURUSAN TERTINGGI**



**1**

**2**

**3**

- 1. YBrs. Puan Mahazan binti Mat Taib  
*Tim. Ketua Pengarah (Sivil)***
- 2. YBhg. Datuk Haini binti Hassan  
*Ketua Pengarah Bantuan Guaman***
- 3. Puan Hajah Noor Hadina binti Ahmad Zabidi  
*Tim. Ketua Pengarah (Syariah)***

## **2. MAKLUMAT KORPORAT**

### **Visi**

Peneraju Bantuan Guaman Yang Terunggul Di Malaysia

### **Misi**

Meneraju Perkhidmatan Bantuan Guaman Secara Profesional Kepada Masyarakat Yang Berkelayakan Bagi menjamin Akses Yang Adil Kepada Keadilan Melalui Proses Perundangan

### **NILAI-NILAI BERSAMA**

- i. Integriti
- ii. Professional
- iii. Responsif
- iv. Kerja berpasukan
- v. Kreatif dan inovatif
- vi. Berorientasikan pelanggan

### **FUNGSI STATUTORI**

Memberi bantuan guaman seperti mana dinyatakan di bawah seksyen 2A Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26]-

- Dalam kes jenayah sebagaimana yang diperuntukan dalam Bahagian III Akta
- Dalam tindakan sivil sebagaimana yang diperuntukan dalam Bahagian IV Akta
- Memberi nasihat guaman sebagaimana yang diperuntukan dalam Bahagian V Akta
- Memberi khidmat pengantaraan sebagaimana yang diperuntukan dalam Bahagian VA Akta
- Memberi khidmat pendamping guaman sebagaimana yang diperuntukan dalam Bahagian VB Akta

## PUNCA KUASA

- Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969
- Akta Bantuan Guaman 1971
- Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Pengantaraan) 2006
- Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman 2017
- Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Kriteria dan Ujian Kemampuan) 2017
- Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Fi dan Sumbangan) 2017

## PELANGGAN

- Kumpulan sasaran yang layak mengikut kriteria yang ditetapkan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971
- Orang awam yang mempunyai masalah undang-undang

## TERAS STRATEGIK



## **SEPINTAS LALU FAKTA JABATAN BANTUAN GUAMAN**

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) merupakan sebuah jabatan kerajaan yang ditubuhkan pada 15 September 1970 di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta 26). JBG berperanan sebagai sebuah jabatan kerajaan yang memberikan perkhidmatan bantuan guaman kepada individu yang layak dan bagi kes-kes tertentu seperti mana yang ditetapkan di bawah Akta 26.

Permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan bantuan guaman boleh dikemukakan oleh mana-mana individu yang mahu mendapatkan apa-apa bantuan guaman yang dinyatakan dalam Akta 26 kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman (KPBG). Perakuan bantuan guaman akan dikeluarkan oleh KPBG atas nama individu yang layak mendapat bantuan guaman setelah setiap permohonan diteliti dan dipertimbangkan berdasarkan kepada kriteria dan ujian kemampuan yang telah ditetapkan oleh Akta 26 dan undang-undang subsidiari di bawahnya. KPBG adalah dilantik oleh Menteri mengikut peruntukan subseksyen 3(1) Akta 26 dan melaksanakan kuasa-kuasa statutori yang diperuntukkan oleh Akta berkenaan.

Di peringkat awal penubuhannya, perkhidmatan bantuan guaman hanya disediakan bagi kes-kes kekeluargaan kerana kes-kes tersebut merupakan peratusan terbesar yang memerlukan bantuan guaman dengan segera.

Bagaimanapun selanjutnya, bidangkuasa JBG telah diperluas untuk meliputi bukan sahaja pengendalian kes-kes kekeluargaan di Mahkamah-Mahkamah Sivil dan Syariah tetapi juga antara lain yang merangkumi kes-kes yang melibatkan pengangkatan anak, probet dan surat tadbir pusaka, harta pusaka kecil, penyewaan, sewa beli dan pemberi pinjam wang.

### 3. INISIATIF SEPANJANG TAHUN 2017

Sepanjang tahun 2017, beberapa inisiatif signifikan yang boleh dianggap sebagai satu '*turning point*' yang telah dilakukan oleh JBG untuk terus melestarikan perkhidmatan bantuan guaman negara.

#### 3.1 KONVENSYEN BANTUAN GUAMAN 2017

Konvensyen Bantuan Guaman 2017 telah diadakan pada 20 Jun 2017. Konvensyen tersebut dihadiri seramai 70 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi sama ada Kerajaan dan bukan Kerajaan.

Melalui Konvensyen tersebut, para peserta telah berpeluang mengikuti sesi perbincangan untuk membolehkan perkongsian idea dan pandangan mengenai usaha menambahbaik perkhidmatan bantuan guaman di negara ini.

Konvensyen ini juga telah mencetuskan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai hak-hak mereka di sisi undang-undang dan peranan yang telah dimainkan oleh JBG dan badan-badan lain dalam memastikan hak-hak ini dipelihara melalui perkhidmatan bantuan guaman yang diberikan. Segala input dan maklum balas yang diperolehi melalui Konvensyen ini telah membantu JBG merangka pindaan kepada Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26].



Puan Mahazan Mat Taib, Timbalan Ketua Pengarah (Sivil) menyampaikan cenderahati kepada penceramah sempena Konvensyen Bantuan Guaman 2017 pada 20 Jun 2017

### 3.2 PINDAAN KEPADA AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

Beberapa peruntukan dalam Akta Bantuan Guaman 1971 telah dipinda selaras dengan penyusunan semula dasar perkhidmatan bantuan guaman negara. Sehubungan itu, Rang Undang-Undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2017 telah dibahaskan di sesi Parlimen 3 Ogos 2017 dan diwartakan pada 17 Oktober 2017. Akhirnya, Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 2017 atau Akta A1548 telah dikuatkuasakan pada 1 Disember 2017.

Antara peruntukan dalam Akta 26 yang dipinda dan tujuan pindaan adalah seperti yang berikut:

- i. menghadkan bantuan guaman hanya kepada warganegara bagi memastikan dana awam yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi perkhidmatan bantuan guaman dibelanjakan hanya bagi faedah warganegara Malaysia sahaja;
- ii. menambah baik ujian kemampuan melalui pemberian kuasa kepada Menteri untuk menetapkan kriteria dan ujian kemampuan yang lebih praktikal dan mengutamakan golongan sasaran yang benar-benar memerlukan. Melalui inisiatif ini, kelayakan bagi bantuan guaman boleh diselaraskan dengan kelayakan golongan tertentu seperti eKasih, BR1M dan B40; dan
- iii. memperkenalkan khidmat pendamping guaman atau "*legal companion*" kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa kesalahan jenayah khususnya jenayah seksual. Perkhidmatan bantuan guaman yang baharu ini bertujuan untuk memastikan kebajikan kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual terus dilindungi. Ia juga melengkapi penubuhan Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-Kanak selaras dengan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.



Forum Akta bantuan Guaman (Pindaan ) 2017 pada 30 November 2017 di Dewan Harmoni Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang

### **3.3 PENGUBALAN PERATURAN-PERATURAN BANTUAN GUAMAN YANG BAHARU**

Apabila berkuat kuasanya Akta A1548, perkhidmatan JBG mengalami beberapa perubahan yang signifikan. Sehubungan dengan itu, beberapa perundangan subsidiari telah digubal bagi melaksanakan skim bantuan guaman yang dipinda adalah seperti yang berikut:

**(i) Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman 2017 [P.U. (A) 369/2017]**

Peraturan-Peraturan ini digubal untuk menggantikan Peratoran2 Bantuan dan Nasihat Guaman 1970 [P.U. (A) 299/1970] yang telah lama dan memerlukan penambahbaikan selaras dengan beberapa pindaan kepada Akta 26.

**(ii) Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Kriteria dan Ujian Kemampuan) 2017 [P.U. (A) 370/2017]**

Peraturan-Peraturan ini digubal untuk menetapkan kriteria dan ujian kemampuan yang perlu dipatuhi oleh mereka yang ingin mendapatkan bantuan guaman dalam tindakan sivil.

**(iii) Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Fi dan Sumbangan) 2017[P.U. (A) 371/2017]**

Peraturan-Peraturan ini digubal untuk menstruktur semula kadar fi dan sumbangan yang kena dibayar oleh orang yang dibantu.

### **3.4 PENUBUHAN AKAUN AMANAH BANTUAN GUAMAN**

Salah satu komponen penambahbaikan skim perkhidmatan bantuan guaman JBG ialah penstrukturan semula dari aspek kewangan. Oleh yang demikian, usaha telah digerakkan sejak tahun 2016 lagi untuk menubuhkan suatu akaun amanah bagi memastikan JBG mempunyai dana yang mantap untuk memberi perkhidmatan yang lebih efisien dan berkesan. Pada 6 Oktober 2017, penubuhan Akaun Amanah Bantuan Guaman telah diluluskan oleh Perbendaharaan, Malaysia di bawah seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Penubuhan Akaun Amanah ini merupakan inisiatif JBG untuk menyahut seruan Kerajaan untuk mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan disamping menjana pendapatan.

Dengan penubuhan Akaun Amanah ini, segala fi pendaftaran dan sumbangan yang dibayar oleh orang yang dibantu serta kos dan wang yang didapatkan oleh mereka melalui perintah mahkamah akan dikreditkan ke dalam Akaun Amanah ini untuk dibelanjakan bagi maksud mentadbir khidmat bantuan guaman. Melalui kaedah ini, wang yang terkumpul di dalam Akaun ini boleh digunakan untuk membiayai beberapa kategori perbelanjaan yang kena dibayar oleh KPBG bagi perkhidmatan yang diberikan seperti bayaran perkhidmatan saksi, penterjemah,

peguam panel, kos penyediaan pliding dan lain-lain. Ini akan membantu meringankan bebanan kos yang perlu ditanggung oleh JBG secara keseluruhannya. Sistem seperti ini telah digunapakai oleh *Legal Aid Hong Kong*.


#### 4 LAPORAN PERKHIDMATAN TERAS

##### 4.1 STATISTIK PENDAFTARAN KES, KHIDMAT NASIHAT DAN PENYELESAIAN KES BAGI TAHUN 2017

###### 4.1.1 PENDAFTARAN KES SIVIL

Sejumlah 2914 kes sivil telah didaftarkan di Jabatan Bantuan Guaman seluruh Malaysia pada tahun 2017 yang terdiri daripada 2570 (88.1%) kekeluargaan sivil dan 344 (11.9%) sivil pelbagai.

Daripada jumlah 2570 tersebut, sebanyak 1719 (66.9%) merupakan kes cerai, 93 (3.6%) kes jagaan, 52 (2.0%) nafkah, 20 (0.78%) kuat kuasa perintah nafkah, 5 (0.19%) mengubah perintah nafkah, 4 (0.15%) mengubah perintah jagaan dan kuat kuasa perintah jagaan serta aset perkahwinan masing-masing 1 kes (0.04%). (Lihat Rajah 1).



Rajah 1 : Statistik kekeluargaan Sivil

JBG Sarawak mencatatkan pendaftaran kes kekeluargaan sivil paling tinggi (384), diikuti JBG Pulau Pinang (374) dan JBG Perak (241), manakala Langkawi


dan Terengganu mencatatkan pendaftaran kes kekeluargaan sivil terendah iaitu masing-masing 1 kes. (Lihat Jadual 1).

CAWANGAN	PENDAFTARAN KES KEKELUARGAAN SIVIL	PENDAFTARAN KES SIVIL PELBAGAI	PENDAFTARAN KES JENAYAH	KHIDMAT NASIHAT SIVIL	KHIDMAT NASIHAT JENAYAH
PERLIS	46	32	45	194	95
KEDAH	123	6	352	423	60
P. PINANG	374	16	44	515	50
PERAK	241	17	35	888	22
K. LUMPUR	174	22	1	1446	52
SELANGOR	192	20	1	1173	50
N. SEMBILAN	110	22	6	685	21
MELAKA	61	26	17	406	54
JOHOR	111	4	68	1546	120
PAHANG	33	6	26	281	55
TERENGGANU	1	13	28	87	57
KELANTAN	21	2	28	124	40
SARAWAK	384	6	0	873	0
SABAH	178	61	0	768	15
LANGKAWI	1	1	39	59	2
TAIPING	87	57	2	181	120
MUAR	128	8	1	426	7
GUA MUSANG	3	1	3	23	0
RAUB	42	21	1	104	5
MIRI	161	3	0	930	0
SIBU	94	0	1	516	1
LABUAN	5	0	0	83	11
IBU PEJABAT	0	0	4	34	8
<b>JUMLAH</b>	<b>2570</b>	<b>344</b>	<b>702</b>	<b>11,765</b>	<b>845</b>

Jadual 1 : Khidmat Nasihat dan Pendaftaran Kes bagi kes Sivil dan Jenayah

Sebanyak 344 kes sivil pelbagai didaftarkan sepanjang tahun 2017. Kes pelbagai merangkumi surat tadbir pusaka, 216 (62.8%), tuntutan pengguna, 4 (1.16%), anggapan kematian, 63 (18.3%), pengangkatan, 26 (7.55%), harta pusaka kecil, 18(5.23%), kemalangan, 8 (2.33%), sewa menyewa, 5 (1.45%), dan pinjaman wang, 3 (0.87%) dan penanam padi 1 kes (0.29%). (Lihat Rajah 2).

JBG Sabah mencatatkan pendaftaran kes sivil pelbagai paling tinggi (61) diikuti JBG Taiping (57) dan JBG Perlis (32), manakala JBG Langkawi dan Gua Musang mencatatkan pendaftaran kes sivil pelbagai paling rendah pada tahun 2017 iaitu masing-masing hanya 1 ke. Manakala JBG Sibu dan Labuan masing-masing tiada mencatat pendaftaran pada tahun 2017.




Rajah 2 : Statistik Pendaftaran Sivil Pelbagai

#### 4.1.2 PENDAFTARAN KES JENAYAH

Sejumlah 702 kes jenayah telah didaftarkan di Jabatan Bantuan Guaman seluruh Malaysia pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, 667 (95%) merupakan kes pengakuan salah dan kesalahan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, 40 (5%) (Lihat Rajah 3).

JBG Kedah mencatatkan pendaftaran kes jenayah paling tinggi (352) diikuti JBG Johor (68) dan JBG Perlis (46), manakala JBG Kuala Lumpur, Selangor, Muar, Raub dan Sibu mencatatkan pendaftaran kes jenayah paling rendah pada tahun 2017 dengan masing-masing 1 kes didaftarkan. JBG Labuan, Miri, Sabah dan Sarawak pula tiada mencatatkan sebarang kes jenayah.




Rajah 3 : Statistik Pendaftaran Kes Jenayah

#### 4.1.3 PENDAFTARAN KES SIVIL DAN JENAYAH MENGIKUT JANTINA

Daripada jumlah 3,616 kes sivil, 2,914 (80.5%) anak guam adalah perempuan dan baki 702 (19.5%) lelaki.

Daripada keseluruhan 702 kes jenayah yang didaftarkan, 667 (95%) anak guam lelaki dan baki 42 (5%) perempuan. (Lihat Rajah 4)




Rajah 4 : Pendaftaran kes Sivil dan Jenayah mengikut jantina

#### 4.1.4 PENDAFTARAN KES SIVIL DAN JENAYAH MENGIKUT KAUM

Daripada jumlah 2,914 kes sivil yang didaftarkan, 182 (6.2%) kes melibatkan anak guam berbangsa Melayu, Cina 1,359 (46.3%), India 759 (25.8%) dan lain-lain bangsa sebanyak 634 (21.6%) kes.

Daripada 709 kes jenayah yang didaftarkan, 649(91.5%) kes melibatkan anak guam bangsa Melayu, 26 (3.7%) Cina dan 34 (4.8%) India. (Lihat Rajah 5)



Rajah 5 : Pendaftaran Kes Sivil dan Jenayah mengikut kaum


#### 4.1.5 PENYELESAIAN KES SIVIL BAGI TAHUN 2017

Pada tahun 2017, sebanyak 5,247 kes telah berjaya diselesaikan (termasuk kes yang didaftarkan sebelum tahun 2017). JBG Kedah mencatatkan penyelesaian kes paling tinggi dengan jumlah sebanyak 1,148 kes diikuti JBG Pulau Pinang (615 kes) dan JBG Sarawak (409 kes).

### 5 LAPORAN PENDAFTARAN KES, KHIDMAT NASIHAT DAN PENYELESAIAN KES BAGI TAHUN 2017 (SYARIAH)



#### 5.1 PENDAFTARAN KES SYARIAH




Sejumlah 6041 kes Syariah telah didaftarkan di Jabatan Bantuan Guaman seluruh Malaysia pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3170 (52.47%) adalah kes perceraian, hak jagaan 857 kes (14.2%), nafkah 1135 kes (18.8%), kuatkuasa perintah nafkah 96 kes (1.6%), mengubah perintah nafkah 101 kes (1.67%), mengubah perintah jagaan 36 kes (0.6%), kuatkuasa perintah hak jagaan 15 kes (0.24%), harta sepencarian 175 kes (2.9%), kuatkuasa perintah harta sepencarian 15 kes (0.24%), mutaah 408 kes (6.75%), kuatkuasa perintah mutaah 10 kes (0.16%), hutang perkahwinan 5 kes (0.08%) serta hibah dan wasiat dengan masing-masing dengan jumlah 16 kes (0.26%) dan 2 kes (0.03%).



Rajah 6 : Pendaftaran mengikut jenis kes

JBG Terengganu mencatatkan pendaftaran kes Syariah paling tinggi (718 kes), diikuti JBG Kelantan (704 kes) dan JBG Kedah (585 kes). Pendaftaran kes terendah iaitu 28 kes dicatatkan di JBG Labuan.






Rajah 7 : Pendaftaran kes Syariah mengikut Zon


## 5.2 KHIDMAT NASIHAT SYARIAH

Sejumlah 15,078 nasihat Syariah telah diberikan di seluruh Malaysia oleh Jabatan Bantuan Guaman pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14,750 (97.8%) merangkumi kes dalam bidang kuasa JBG dan 328 (2.2%) kes luar bidang kuasa JBG.



Rajah 8 : Khidmat Nasihat Syariah

JBG Johor mencatatkan jumlah khidmat nasihat Syariah paling tinggi (2047), diikuti JBG Kelantan (1607) dan JBG Kedah (1374).



Rajah 9 : Khidmat Nasihat Syariah


### 5.3 PENYELESAIAN KES SYARIAH BAGI TAHUN 2017

Pada tahun 2017, sebanyak 7194 kes telah berjaya diselesaikan (termasuk kes yang didaftarkan sebelum tahun 2017). JBG Kelantan mencatatkan penyelesaian kes paling tinggi dengan jumlah sebanyak 999 kes diikuti JBG Terengganu (777 kes) dan JBG Kedah (662 kes).

## 6 PENGANTARAAN

Jumlah keseluruhan pendaftaran kes pengantaraan bagi tahun 2017 ialah sebanyak 2,852 kes. Daripada jumlah tersebut, 2,715 kes yang didaftarkan pada tahun semasa dan baki 137 kes lagi merupakan kes yang didaftarkan pada tahun 2016. Jumlah keseluruhan pengendalian kes pengantaraan bagi tahun 2017 ialah sebanyak 1,111 kes.

Pendaftaran kes pengantaraan paling tinggi bagi tahun 2017 direkodkan oleh JBG Perak (332 kes), diikuti oleh JBG Johor (329 kes) dan JBG Terengganu (304 kes). Pendaftaran paling rendah bagi tahun 2017 direkodkan oleh JBG Sibu (10 kes). Perbandingan jumlah pendaftaran kes pengantaraan 2017 bagi setiap cawangan seperti dalam Rajah 10.



Rajah 10 : Jumlah Pendaftaran Kes Pengantaraan

## 6.1 PENDAFTARAN KES PENGANTARAAN MENGIKUT KATEGORI KES

